

KERIS DAN KEBITARAAN WARISAN MELAYU

Apa guna kepok di ladang,
Kalau tidak berisi padi;
Apa guna keris di pinggang,
Kalau tidak berani mati.

Demikian rangkap pantun yang mengabadikan senjata legasi dalam kalangan masyarakat Melayu. Keris, yang menjadi lambang kekuatan dan kekuasaan kerajaan masa lalu, masih tetap teguh merentas zaman hingga kini. Pada era kegemilangan Kesultanan Melayu, keris sememangnya menjadi senjata yang menjadi kewajipan, terutamanya bagi para panglima dan pahlawan negeri.

Keris merupakan senjata tajam yang digunakan dalam ilmu persilatan dan mempertahankan diri daripada musuh. Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat*, keris ditafsirkan sebagai senjata bermata dua yang tajam (bilahnya lurus dan berkelok-kelok). Keris memiliki keunikan tersendiri dan dianggap sebagai memberi "tuah" kepada pemiliknya.

Seperti juga khazanah budaya dan adat tradisi lama Melayu yang lain, keris turut sama mengalami proses evolusi dan perubahan dari segi fungsi, penggunaan dan nilai semasa. Namun begitu, ciri-ciri tradisi dan etos di sebalik "kesaktian" dan keunikan sebilah keris masih kekal menjadi misteri dan persoalan dalam kalangan pengguna dan orang awam.

SEJARAH DAN ASAL USUL KERIS

Menurut catatan sejarah, keris yang digunakan dalam kelompok etnik Melayu di Nusantara berasal dari Jawa. Keris digunakan dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak kira-kira 600 tahun lalu.



Tiga bahagian penting kris, iaitu hulu, mata bilah dan sampir.

lagi. Hal ini mungkin disebabkan oleh terpengaruh dengan cerita filem kepahlawanan dahulu, seperti filem *Semerah Padi* dan *Hang Tuah*.

“Antara kris yang ada dalam simpanan saya termasuklah kris tajong dan kris alang. Bentuk kris ini menarik bukan sahaja pada mata bilahnya, tetapi juga hulu dan sarungnya yang cantik,” ujar Fauzi yang berasal dari Kampung Kuala Kemaman, Terengganu.

Ketika ditemui pada hari Pekan Budaya Pantai Timur yang berlangsung di Padang Astaka, Chukai, Terengganu, Fauzi membuka reruai pameran dan jualan pelbagai barangan tradisional. Antara yang dipamerkan termasuklah pelbagai jenis kris, busana silat dan aksesori, seperti tengkolok.

“Dalam acara seperti ini, keuntungan daripada jualan tidak menjadi keutamaan bagi saya. Minat dan usaha untuk menengahkan warisan budaya ini yang lebih utama,” ujar Fauzi. Tambah beliau, kebanyakan pembeli kris terdiri daripada peminat dan ahli silat

daripada pelbagai pertubuhan seni mempertahankan diri. Semacam menjadi kemestian bagi pesilat mempunyai simpanan sekurang-kurangnya sebilah kris di kediaman mereka.

Di samping menjadi senjata utama dalam pertempuran, kris juga menjadi lambang dan alat kebesaran diraja. Kris Taming Sari dan kris Sempena Riau amat terkenal kerana dijadikan sebagai alat kebesaran raja. Kris Panjang Diraja pula merupakan kris yang menjadi simbol utama dalam istiadat pertabalan diraja.

Kris Taming Sari, milik Sultan Mansur Shah, dan kris Sempena Riau mempunyai kronologi sejarah yang panjang dan menarik. Kris Taming Sari dikatakan mempunyai kesaktian kepada pemiliknya, seperti dalam kisah Hang Jebat. Hang Tuah hanya dapat menewaskan Hang Jebat selepas menggunakan kris tersebut.

Pengaruh kris terus berkembang hingga ke serata Austronesia, seperti Filipina, Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Sebahagian pandangan menyatakan bahawa diksi kris itu diambil daripada bahasa Jawa kuno, iaitu *kerik*, merujuk kepada senjata pendek yang tajam. Sebilangan pendapat pula mengatakan bahawa nama kris berasal daripada perkataan *nggris* yang membawa maksud menikam atau menusuk. Senjata ini menjadi kegemaran bagi sesetengah masyarakat, sama ada digunakan sebagai senjata atau koleksi simpanan.

Seorang peminat dan pengumpul kris, iaitu Ahmad Fauzi, 44 tahun, menyatakan bahawa minatnya terhadap kris bertunas sejak kecil



Ahmad Fauzi meminati kris sejak kecil.



Mohd Afizzi Abdullah, pengumpul dan penjual kris dari Pahang.



Keris Tajong, antara jenis yang popular dengan sampir berukir cantik.



Keris yang dipamerkan untuk jualan awam.

Begitu juga dengan keris Sempena Riau yang dihadiahkan oleh Sultan Mahmud Shah kepada Laksamana Perwira Jaya selepas tamat perlawanan dengan Panglima Ali. Kedua-dua keris tersebut merupakan senjata kebesaran dan kebanggaan diraja pada masa tersebut. Begitulah juga dengan keris lain mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

CIRI DAN STRUKTUR KERIS

Keris mempunyai ciri dan struktur unik tersendiri. Terdapat tiga bahagian utama bagi sebilah keris, iaitu bahagian hulu keris, bilah atau mata dan sarung keris. Hulu keris mempunyai signifikan dengan

alam sekitar, iaitu kebanyakannya bermotifkan fauna atau corak tumbuhan. Corak pekaka, kakak tua, ayam teleng dan Jawa demam merupakan contoh nama hulu keris yang popular di negara ini.

Hulu keris dibuat daripada kayu pokok tempatan yang bermutu tinggi, seperti kayu kemuning, tempinis, leban dan celagi. Namun begitu, untuk nilai yang lebih eksklusif, ada juga hulu yang diperbuat daripada tanduk atau gading gajah, gigi ikan paus, bersadur perak dan emas sepuhan.

Di bahagian penyambung antara hulu dengan bilah keris terdapat satu cincin yang dikenali sebagai pendokok. Bahagian ini diibaratkan sebagai leher yang menyambungkan antara kepala atau hulu dengan badan atau bilah keris. Pendokok, atau dokok, pada kebiasaannya diperbuat daripada logam, seperti tembaga dan perak, serta mempunyai corak tertentu pula.

Bahagian kedua, dan juga yang paling penting, ialah bilah atau mata keris. Bahagian ini mempunyai lok-lok, iaitu bahagian mata yang bengkang-bengkok. Pada kebiasaannya bilangan lok ini berjumlah ganjil dan dikaitkan dengan unsur keislaman, seperti lima rukun Islam, solat lima waktu dan 13 rukun solat. Namun begitu, ada juga bilangan lok yang memiliki

bilangan genap sebagai tanda hasilan terakhir pembuat keris yang dipanggil "empu".

Bilah keris kelihatan seperti berjalur-jalur dan tajam di bahagian hujungnya. Ada juga keris panjang yang tidak mempunyai lok yang dipanggil keris lurus. Keris seperti ini digunakan dalam acara kebesaran diraja.

Bilangan lok juga dikaitkan dengan makna tertentu, seperti keris lurus melambangkan kesetiaan, ketegasan dan sukar dipengaruhi. Keris lok tiga dipercayai dapat menunaikan permintaan si pemilik atau pengguna yang rata-ratanya pahlawan. Lok lima pula melambangkan penggunaanya petah berbicara dan lok tujuh membawa maksud kewibawaan pemiliknya. Begitulah juga pelbagai bilangan lok lain yang membawa petanda tersendiri.

Bahagian bilah atau mata keris ini diperbuat daripada campuran besi terbaik yang diadun dan ditempa menjadi senjata. Terdapat lebih 50 jenis keluli yang biasa digunakan untuk menempa keris. Antaranya termasuklah mengangkang estri, pulasani, mengangkang jaler, tumpang, werani, welangi, ambal, kenur dan kamboja.

Menurut pengumpul dan penjual keris dari Chendor, Pahang,

iaitu Mohd Afizzi Abdullah, setiap keris yang ditempa sekurang-kurangnya mengandungi campuran tiga jenis keluli. Dalam hal ini, lebih banyak campuran besi dalam penghasilan keris akan menzahirkan pamor atau corak yang indah dan meningkatkan kualitinya.

Keris merupakan artifak budaya yang masih menggunakan kaedah manual untuk membuatnya dengan menempa besi dan keluli menjadi senjata. Hal ini juga memperlihatkan kemahiran saintifik yang tidak dimiliki oleh semua orang. Para mahir besi atau empu mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkan keris yang benar-benar berkualiti.

Keris didatangkan dengan pelengkapannya, iaitu sarung keris atau sampir. Bahagian ketiga ini juga memainkan peranan dalam menentukan keindahan dan nilai sebilah keris. Sarung diperbuat daripada kayu, seperti kemuning, sena, macang dan buer. Sama seperti bilah keris, sarung juga mempunyai nama dan jenis tersendiri mengikut asal tukang kayu. Antara nama sampir yang

Keris merupakan artifak budaya yang masih menggunakan kaedah manual untuk membuatnya dengan menempa besi dan keluli menjadi senjata. Hal ini juga memperlihatkan kemahiran saintifik yang tidak dimiliki oleh semua orang. Para mahir besi atau empu mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkan keris yang benar-benar berkualiti.

popular termasuklah tebeng, sari bulan dan buah pauh.

Sarung yang berkualiti dapat dikenal pasti daripada jenis kayu yang digunakan, ukiran motif dan kehalusan seni buatan. Pada masa sekarang, sarung dijual sama ada secara berasingan atau bersama-sama keris dengan harga RM150 hingga RM300, malah ada yang lebih tinggi bergantung kepada kualitinya.

JENIS DAN NAMA KERIS

Menurut Mohd Afizzi Abdullah, terdapat puluhan nama keris di Malaysia yang didasarkan kepada negeri tertentu. Antara nama keris yang dapat disenaraikan termasuklah keris Lancang Perak, Bugis Penghulu, keris Sapukul Terengganu, keris Selit Kedah dan keris Selit Kelantan atau Kuseriwa. Keris ini melambangkan identiti negeri masing-masing yang dapat dikenali melalui corak ukiran sampir dan hulu keris.

Ada jenis keris yang dinamakan berdasarkan lokasi pembuatannya, seperti keris Minang yang dihasilkan di kepulauan Sumatera, dan keris Patani dari kawasan sempadan Malaysia dan Thailand.

Terdapat juga jenis keris yang dinamakan berdasarkan bentuk atau ciri-ciri khas, seperti keris sempena yang mempunyai lok tiga, lima dan tujuh, keris anak yang bersaiz kecil dan sederhana panjang, keris ganja seiras, dan keris sepukul yang bermata lurus.


Mohd Afizzi Abdullah yang merupakan peminat tegar keris sejak kecil memiliki beberapa koleksi keris dari dalam dan luar negara, antaranya termasuklah dari kepulauan Indonesia, Thailand, dan seluruh negeri di Malaysia. Bagi beliau, tidak semua orang sanggup untuk membelanjakan wang semata-mata untuk menyimpan warisan senjata Melayu ini, melainkan memiliki minat yang mendalam.

“Harga keris ini memang agak mahal. Walaupun begitu, bagi orang yang minat dan mengetahui kualiti, harga tidak menjadi penghalang. Yang penting, berasa puas apabila berpeluang memiliki senjata unik Melayu yang mempunyai ciri-ciri dan aura tersendiri ini,” ujar Afizzi ketika ditanya tentang harga.

Dalam hal ini, harga keris banyak bergantung kepada

Keunikan sampir atau sarung turut menentukan nilai sebilah keris.

Motif dan ukiran hulu juga memainkan peranan menentukan keunikan keris.




Keris Lancang Perak.

keunikan ukiran, campuran bahan keluli yang digunakan serta kualiti sampir dan hulu. Ada keris yang mencecah harga hingga puluhan ribu, namun ada juga harga serendah RM200 sebilah untuk jualan awam.

“Lebih banyak campuran besi atau keluli yang berkualiti, semakin tinggilah nilainya. Begitu juga dengan kehalusan ukiran pada sampir dan hulu keris,” tambah Afizzi.

Biarpun kini keris sudah tidak lagi digunakan dalam aktiviti harian sebagaimana fungsinya yang terdahulu, namun kewujudannya sememangnya masih diperlukan. Khazanah yang telah diiktiraf sebagai Karya Agung Warisan Budaya Kemanusiaan Bukan Lisan dan Tidak Ketara UNESCO sejak tahun 2005 ini terus gah dan berperanan sebagai legasi budaya Melayu.



Keris Alang.

Keris kekal sebagai lambang maruah, kekuatan dan kedaulatan bangsa Melayu. Keris dapat dilihat menjadi logo atau lambang dalam pelbagai persatuan berteraskan bangsa Melayu, seperti jata kerajaan, persatuan, seni perguruan silat, badan sukarelawan dan sebagainya.

Dalam acara rasmi dan kebesaran, keris terus unggul menjadi simbol dan pendahulu acara. Keris Panjang Diraja merupakan alat kebesaran pertabalan Yang Dipertuan Agong. Keris bersalut emas daripada bahagian hulu hingga sampir ini menjadi lambang kerajaan persekutuan dan 13 negeri yang bernaung di bawahnya.



Keris Selit Kelantan (Kuseriwa).

Selain itu, keris turut digunakan dalam upacara persandingan raja sehari dalam kalangan masyarakat Melayu hingga kini. Dalam setiap majlis ini, tidak akan tercicir sebilah keris sebagai pelengkap aksesori yang terselit di bahagian pinggang pengantin lelaki. Selalunya majlis persandingan ini diserikan dengan acara pencak silat dan penggunaan keris sebagai senjata dalam pertunjukan tersebut turut tidak ketinggalan. Anak-anak kecil yang terdedah dengan permainan digital kini turut merasai aura silat dan keris sebagai sesuatu yang luar biasa.

Di sebalik kewujudan keris, senjata epik ini kekal meninggalkan aura dan kesaktian yang sukar dinafikan. Nilai luar biasa, kekuatan, keunikan dan semangat yang lahir daripada senjata ini terus menjadi misteri yang masih membelenggu minda masyarakat. Disebabkan oleh keistimewaan itu, keris menjadi aset utama kebitaraan warisan budaya Melayu hingga kini.

Biarpun telah berabad-abad merentas zaman, keris teguh menjadi legasi yang tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas. Generasi masa ini tetap teruja setiap kali melihat keris dan mereka pastinya mahukan artifak ini berkekalan sampai bila-bila. 